

# Prof Madya Dr Ismail dilantik sebagai Pengarah UMS-KAL yang baru

UB 07.08.2012 B2

LABUAN: Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Dr Ismail Ali telah dilantik sebagai Pengarah UMS, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) yang baru berkuatkuasa 6 Ogos 2012 hingga 5 Ogos 2014.

Dr Ismail, 44, merupakan Pengarah UMS-KAL yang keempat selepas Allahyarham Prof Madya Dr Zainal Abidin Said (1999-2005), Prof Dr Syed Azizi Wafa (2005-2009) dan Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omiang (2009 - Julai 2012).

Beliau yang dilahirkan di Kampung Durian Tunjong, Wilayah Persekutuan Labuan menggantikan Prof Dr Shariff yang dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS yang baru.

Dr Ismail menjadi Dekan PPIB pada 2010 hingga Julai 2012, Ketua Program Sekolah Sains Sosial (2007-2010), Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (2006-2008) dan Ketua Program Sejarah Sekolah Sains Sosial (2005-2006).

Beliau pernah memegang jawatan Presiden PERISAI (Persatuan Staf Akademik dan Ikhtisas) UMS pada 2006 hingga 2010.

Dr Ismail mendapat pendidikan di SMK Labuan pada 1981-1984, SMK Kuala Penyu (1985) dan SMK Beaufort (1986-1987) sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya (1988-1991), Maktab Perguruan Gaya (1993-1994), Universiti Malaya (1997-1999) dan Universiti Malaysia Sabah (1999-2004).

Selepas memegang jawatan tersebut, Dr Ismail mahu memantap dan menambahbaik konsep antarabangsa daripada semua aspek dan bidang terutama akademik, pentadbiran dan sahshiah pelajar.

Katanya, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi bertaraf antarabangsa, UMS-KAL wajar memiliki nilai-nilai antarabangsa sama ada dari



DR Ismail (tiga kanan) menerima dokumen Pengarah UMS-KAL daripada Dr Ag Asri diperhatikan Zamri (dua kanan).



ISMAIL

segi pentadbiran mahupun pelajar itu sendiri.

Selain itu, beliau mahu jalinan kerjasama antara UMS-KAL dengan jabatan dan agensi kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan industri terutama syarikat berkaitan minyak dan gas terus dimantapkan.

“ U M S - KAL juga wajar menjalin hubungan yang baik dengan

pemimpin dan penduduk setempat di Wilayah Persekutuan Labuan yang turut berbangga dengan kewujudan sebuah IPTA bertaraf antarabangsa, “ katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis serah dan terima tugas Pengarah UMS-KAL daripada Pemangku Pengarah, Dr Ag Asri Ag Ibrahim di pejabatnya, semalam.

Hadir sama Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah.

Dr Ismail juga menekankan perlunya pensyarah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) melahirkan graduan

yang berkualiti, berketrampilan dan berdaya saing bukan sahaja untuk menyara diri sendiri dan keluarga malah mampu menjadi pemimpin negara pada masa depan.

Selain itu, beliau berharap projek pembangunan fizikal yang sedang dilaksanakan mampu memberi keselesaan kepada pelajar dan kakitangan universiti itu pada masa akan datang.